

30 JAN 2002

Abdullah-Umno

PERHIMPUNAN AGONG UMNO 20 HINGGA 22 JUN

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Perhimpunan agung Umno ditetapkan dari 20 hingga 22 Jun manakala pergerakan pemuda dan wanita akan bermesyuarat pada 19 Jun, kata Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata jawatankuasa usul yang dipengerusikan naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengadakan perbincangan awal bagi menentukan tajuk-tajuk usul untuk dibentangkan pada perhimpunan itu

"Kalau kita buat persediaan awal, saya percaya usul-usul yang dibentangkan nanti akan menepati situasi sekarang dan keperluan anggota untuk bertukar-tukar pandangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pengurusan parti bagi menetapkan tarikh perhimpunan itu di ibu pejabat Umno di sini petang ini.

Abdullah berkata persiapan awal itu juga akan membolehkan Umno membuat keputusan yang relevan bagi meningkatkan perjuangannya.

Menurut beliau antara perkara yang mungkin dibahaskan ialah mengenai gerakan pelampau, militan, dan keganasan.

Katanya jemputan akan dihantar kepada parti-parti kerajaan di luar negara terutama dari negara-negara Islam untuk menghadiri perhimpunan agung itu.

Presiden parti yang juga Perdana Menteri Datuk Sri Mahathir Mohamad akan merasmikan perhimpunan agung itu.

Mesyuarat jawatankuasa pengurusan itu turut membincangkan persiapan untuk menyambut hari penubuhan Umno pada 11 Mei ini.

"Kita bersetuju mengadakan pertemuan anggota veteran dengan presiden parti seperti yang berjaya diadakan pada tahun lalu," katanya

Pergerakan Pemuda juga akan mengadakan acara khas pada hari berkenaan dan hasilnya akan dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti untuk pertimbangan.

Mesyuarat itu juga bersetuju supaya kursus penerangan dijalankan untuk pegawai parti, khususnya mengenai pendidikan yang merupakan tajuk penting, kata Abdullah.

-- BERNAMA

AZZ LIB LAT